



Headline: Serah RM27,400 takut kena dakwa
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 15 September 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 30

Serah RM27,400 takut kena dakwa

Mekanik jadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seorang mekanik kerugian RM27,400 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 38 tahun menerima panggilan suspek yang mendakwa dari Mahkamah Majistret pada

jam 8.47 pagi.

Menurutnya, suspek memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan kad kredit sebanyak RM10,580.88 sebelum menyambungkan panggilan tersebut kepada anggota polis yang dikenali sebagai Firdaus.

“Mangsa kemudian diberitahu yang dia terlibat dalam pengubahan wang haram dan dadah lalu panggilan itu disambungkan pula kepada pegawai polis yang dikenali sebagai Inspektor Raja Afiq.

“Pegawai polis itu (suspek) meminta pengadu menyerahkan maklumat baki di dalam setiap akaun bank,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Wazir berkata, mangsa diminta



MOHD WAZIR

mengeluarkan kesemua wang di dalam akaun bank miliknya dan dimasukkan ke dalam akaun Bank Negara bagi tujuan siasatan.

Jelasnya, mangsa kemudian memasukkan sebanyak RM27,400 melalui 20 transaksi.

“Suspek meminta

mangsa untuk menunggu selama 45 minit bagi tujuan pengesahan namun selepas itu mangsa diminta untuk serah diri,” katanya.

Beliau berkata, mangsa mula berasa sangsi apabila suspek memaklumkan dia perlu menyerah diri ke balai polis bagi tujuan siasatan dan menawarkan penyelesaian dengan kadar bayaran baharu.

Sehubungan itu, mangsa telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat dan boleh didenda jika sabit kesalahan.